

'Martabat kerjaya guru bukan cuma janji kosong'

BH-17/5/2007

Pentadbiran Pak Lah hargai jasa warga pendidikan: Hishammuddin

Oleh Khirul Bahri Basaruddin,
Syuhada Choo Abdullah, Johan
Afandi dan Srihanasham Nordin

J'OHOR BAHRU: Keupayaan menyediakan hala tuju yang jelas dan berfokus, menyusun keutamaan serta bekerjasama dalam satu pasukan menjadi antara faktor utama kejayaan usaha kerajaan memartabatkan profesion keguruan, kata Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein.

Sehubungan itu, katanya, Kementerian Pelajaran meletakkan usaha memartabatkan profesion keguruan sebagai satu teras strategik Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) bagi meningkatkan mutu, memantapkan kerjaya dan menambah baik kebajikan guru.

Katanya, setakat ini pelbagai pem-

baharuan dan penambahbaikan berjaya dilaksanakan yang memberi manfaat besar kepada guru, sekali gus terhadap bidang kerjaya itu sendiri.

"Namun di sebalik semua faktor berkenaan, segala agenda digariskan kementerian pasti sukar dilaksanakan tanpa sokongan atau galakan kepimpinan kerajaan yang benar-benar memahami keperluan dan tuntutan perjuangan ini.

"Bagi pihak warga Kementerian Pelajaran, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Perdana Menteri kita," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran Perayaan Hari Guru Peringkat Kebangsaan Ke-36 oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor, di sini, malam tadi.

Hishammuddin berkata, sejak mengetuai kementerian itu kira-kira tiga tahun lalu, pembaharuan dan penambahbaikan dilaksanakan berkaitan guru serta profesion keguruan meliputi memperluas skim Pengetua Cemerlang sehingga Pengetua Cemerlang Jusa C.

Selain itu, katanya, menaik taraf maktab perguruan kepada institut pendidikan guru (IPG) bagi melaksanakan pengajian peringkat ijazah, meningkatkan norma perjawatan daripada 1.5 guru kepada 1.7 guru setiap kelas, menambah kuota skim perkhidmatan Pengetua Cemerlang dan Guru Cemerlang lebih 250 peratus.

"Kejayaan ini juga membuktikan perjuangan selama ini bukanlah sekadar retorik politik kosong. Kita kotakan janji demi menjaga kepentingan serta kebajikan guru. Faedah

dan juga manfaat ini satu penghargaan dan tanda terima kasih kerajaan terhadap jasa serta sumbangan guru selama ini," katanya.

Seterusnya dalam kemeriahan meraikan sambutan berganda 50 tahun kemerdekaan negara dan Hari Guru tahun ini, Hishammuddin berkata, pendidik perlu bersyukur dengan melahirkan modal insan berkualiti, sekali gus berjiwa patriotik yang memahami tanggungjawab membina masa depan negara dan mempertahankan kemerdekaan tanah air.

"Jadikanlah kedua-dua sambutan itu sebagai pemangkin untuk kita memperbaharui azam, semangat serta tekad dalam melaksanakan agenda bersama melonjakkan kualiti pendidikan negara dengan menggerakkan PIPP dan juga menjayakan Misi Nasional," katanya.